

**PERLAKSANAAN RAWATAN PEMULIHAN DADAH
BERDASARKAN PENDEKATAN ISLAM DI
PONDOK REMAJA INABAH**

SABIR BIN ABDUL GHANI

**SARJANA SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2013

1100090954

tesis
HV 5801 .S2 2013



1100090954

Perlaksanaan rawatan pemuliharaan dadah berdasarkan pendekatan Islam di Pondok Remaja Inabah / Sabir Abdul Ghani



PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100090934

Lihat Sebelah

HAK MILIK

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**PERLAKSANAAN RAWATAN PEMULIHAN DADAH BERDASARKAN
PENDEKATAN ISLAM DI PONDOK REMAJA INABAH**

SABIR BIN ABDUL GHANI

**Tesis ini dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat untuk Memperoleh
Ijazah Sarjana Sains di Fakulti Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu**

Ogos 2013

20000011

*Kejayaan ini ditujukan kepada keluarga tercinta,
Babo dan Mama yang banyak memberikan dorongan dalam menyiapkan tesis ini,
juga tidak dilupakan adik-beradik serta isteri tercinta yang sentiasa menjadi pembakar
semangat untuk terus berjaya hingga peringkat tertinggi*

Abstrak yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

**PERLAKSANAAN RAWATAN PEMULIHAN DADAH BERDASARKAN
PENDEKATAN ISLAM DI PONDOK REMAJA INABAH**

SABIR BIN ABDUL GHANI

OGOS 2013

Penyelia Utama : Prof. Madya Fadzli Adam, Ph.D.

Penyelia Bersama : Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail, Ph.D.

Fakulti : Pembangunan Sosial

Gejala penagihan dadah merupakan isu global yang dikongsi bersama masyarakat dunia termasuklah Malaysia. Masalah yang dihadapi ini jika tidak diatasi pada peringkat awal mengakibatkan produktiviti sesebuah negara menurun. Data penagihan dadah yang dilaporkan pada Jan-Julai 2011 memperlihatkan data penagihan dadah seramai 7,346 orang terlibat dengan penagihan dadah. Hal ini ditambah dengan penagihan semula iaitu seramai 2,552 orang terlibat semula dalam penagihan ini yang berbanding jumlah keseluruhan penagih. Data yang dilaporkan ini semakin membimbangkan walaupun pelbagai metode rawatan dan pemulihan telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan mahupun swasta termasuklah metode berdasarkan keagamaan dan kerohanian.

Kajian yang dibincangkan oleh penyelidik mengupas berkaitan dengan rawatan asas yang dilaksanakan oleh anak bina di Pondok Remaja Inabah (PRI) yang mempunyai persamaan dengan rawatan yang dilaksanakan di pusat pemulihan lain. Namun metode rawatan asas dalam kajian ini terdiri daripada solat, zikir, mandi taubat dan bimbingan al-Quran dan fardu ain. Hasil kajian mendapati, anak bina hanya melaksanakan tiga metode iaitu zikir, solat dan mandi taubat pulih dalam rawatan pemulihan. Perbezaan kajian ini dapat dilihat melalui kajian terdahulu yang memfokuskan kepada keseluruhan metode rawatan pemulihan.

Penyelidik melaksanakan kajian ini bertujuan untuk mencapai empat objektif utama iaitu punca penagihan dan jenis dadah dalam kalangan anak bina Pondok Remaja Inabah (PRI), keberkesanan metode rawatan pemulihan, faktor sokongan yang mengukuhkan rawatan pemulihan dan perubahan diri semasa menjalani rawatan pemulihan dadah berdasarkan metode PRI. Seramai 7 orang dalam kalangan anak bina telah dipilih sebagai peserta kajian yang dipilih oleh pihak pengurusan PRI yang sedang menjalani rawatan pemulihan asas dan lanjutan di PRI Sungai Ikan, Terengganu. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur, pemerhatian ikut serta dan pemerhatian tidak ikut serta dengan menggunakan analisis kualitatif. Metode yang dikaji ialah amalan zikir, solat, mandi taubat dan bimbingan al-Quran dan fardu ain yang dilaksanakan oleh peserta kajian.

Hasil kajian mendapati demografi peserta kajian yang menjalani rawatan pemulihan di PRI mempunyai tahap pendidikan pada peringkat menengah dan taraf perkahwinan yang terdiri daripada bujang, duda dan berkeluarga. Punca penagihan dadah yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah punca dalaman dan punca luaran. Punca dalaman yang mengakibatkan peserta kajian terlibat dengan penagihan dadah ialah diri sendiri. Manakala punca luaran pula ialah kawan-kawan dan cara memperoleh dadah. Kemudahan memperoleh dadah pula adalah terdiri daripada persekitaran, kawan-kawan, pengedar dadah dan ahli keluarga yang mengakibatkan peserta kajian terlibat dengan penagihan dadah. Jenis dadah yang diambil oleh peserta kajian pula adalah terdiri daripada ganja dan heroin.

Metode keberkesanan rawatan pemulihan dadah berasaskan metode PRI pula dapat dibahagikan kepada peserta kajian yang menjalani rawatan asas dan rawatan lanjutan. Peserta kajian yang menjalani rawatan asas menyatakan amalan zikir merupakan faktor dominan dalam pemulihan dadah dan diikuti dengan solat dan mandi taubat. Terdapat perbezaan dalam kalangan yang menjalani rawatan lanjutan yang menyatakan mandi taubat merupakan kunci kepada segala rawatan, jika mandi taubat ini tidak dilaksanakan maka perbuatan sehari-hari dirasakan tidak sempurna. Amalan zikir dan solat dilaksanakan dengan sempurna oleh peserta kajian yang menjalani rawatan lanjutan. Bimbingan al-Quran dan fardu ain tidak dilaksanakan oleh anak bina yang menjalani rawatan pemulihan disebabkan tiada ustaz untuk mengajar dan peserta kajian hanya berbual dan beredara untuk tidur.

Faktor sokongan yang mengukuhkan rawatan pemulihan turut dikaji, faktor pengukuh ini penting bagi memastikan peserta kajian pulih dalam rawatan pemulihan. Faktor pengukuh yang dikenal pasti ialah pengukuh dalaman dan luaran. Pengukuh dalaman adalah terdiri daripada aspirasi, dorongan dan diri sendiri untuk berubah. Manakala pengukur luaran pula adalah terdiri daripada persekitaran pentadbiran, pembina, kawan-kawan dan ahli keluarga. Kesemua faktor pengukuh ini adalah saling berkait semasa peserta kajian menjalani rawatan pemulihan berasaskan metode PRI.

Terdapat beberapa perubahan terhadap diri sendiri semasa menjalani rawatan pemulihan berasaskan metode PRI. Kesan perubahan ini berlaku terhadap emosi, diri sendiri dan Ibadah. Ketiga-tiga kesan ini memperlihatkan keberkesanan metode yang diamalkan oleh peserta kajian yang menjalani rawatan pemulihan. Perubahan ini dapat dirasakan oleh peserta kajian secara berperingkat-peringkat dalam diri mereka yang menjalani rawatan pemulihan.

Kesimpulan dari hasil kajian mendapati, peserta kajian yang menjalani rawatan pemulihan berasaskan metode PRI dapat merasakan perubahan selepas menjalani metode ini. Kesan ini memperlihatkan rawatan pemulihan Islam dapat diaplikasikan di pusat pemulihan kerajaan dan swasta yang lain. Sokongan dari semua pihak juga perlu dalam mengatasi masalah ini selain daripada penguatkuasaan undang-undang dalam mengurangkan data penagihan dадah.

This abstract is presented to the Senate of the Universiti Malaysia Terengganu
as fulfillment of a requirement for a Master's of Science Degree

**IMPLEMENTATION OF DRUG REHABILITATION TREATMENT BASED
ON THE ISLAMIC APPROACH IN THE PONDOK REMAJA INABAH**

SABIR BIN ABDUL GHANI

OGOS 2013

Principal Supervisor : Assoc. Prof Fadzli Adam, Ph.D.

Supervisor : Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail, Ph.D.

Faculty : Social Development

Drug addiction is a global issue shared amongst the world's societies, including Malaysia. Hence, if this problem is not overcome in the initial stages it could have a deleterious effect on the nation's productivity. The data on drug addiction for January – July 2011 shows that there were 7,346 drug addicts. In addition, there were 2,552 recurrent drug addiction cases. This data is worrying as numerous methods and rehabilitation techniques had been introduced by the government and the private sector, including methods based on religion and spirituality.

The research discussed by the researchers critically examines the basic treatment received by the addicts in the Pondok Remaja Inabah, which is similar to treatments found in other rehabilitation centers. The basic treatment methods in this research consists of mandatory and optional prayers (*solat*), verses praising Allah s.w.t. the Almighty (*zikir*), purification baths (*mandi taubat*) and guidance based on the al-Qur'an and the compulsory practices of a Muslim (*fardu ain*). The research had found that the

inmates of Inabah had implemented three methods during the rehabilitation treatment, which was the mandatory and optional prayers (*solat*), verses praising Allah S.W.T. the Almighty (*zikir*) and purification baths (*mandi taubat*). In comparison with previous research, this research focuses on the entire method involved in the rehabilitation treatment.

The researchers had implemented this research with the aim of achieving four main objectives, which is the cause of addiction and types of drugs used by the inmates of the Pondok Remaja Inabah, the effective methods employed in the rehabilitation treatment, the supporting factors that substantiate the rehabilitation treatments and the personal changes that occur while undergoing the drug rehabilitation treatment based on the Pondok Remaja Inabah method. Seven inmates who were going through the basic and advanced rehabilitation treatments in Inabah located in Sungai Ikan, Terengganu, were chosen by the management of Inabah to take part in this research. Data were collected via semi-structured interviews, on-hand observations and observations based on qualitative analysis. The methods that were researched were mandatory and optional prayers (*solat*), verses praising Allah S.W.T the Almighty (*zikir*), purification baths (*mandi taubat*) and guidance based on the al-Qur'an and the compulsory practices of a Muslim (*fardu ain*).

The research had found that the demographics of the Inabah inmates showed that they had secondary education and were single, divorced or married. The cause of addiction was either internal or external. The internal factor was the inmate himself, whereas the external factors were friends and the manner of obtaining the drugs. Obtaining drugs were made convenient by friends, the environment, drug pushers and family members that eventually got these inmates involved in drug addiction. The types of drugs involved were *ganja* and heroin.

Research on the effectiveness of the drug rehabilitation method based on the Inabah method involved research participants who were going through basic and advanced treatments. Research participants who were going through the basic treatment had stated that the practice of reciting verses praising Allah S.W.T the Almighty (*zikir*) was the dominant factor in the drug habilitation, followed by mandatory and optional prayers (*solat*) and purification baths (*mandi taubat*). Comparatively, the advanced group of research participants had stated that purification baths (*mandi taubat*) were the key to all treatments and if that element were not conducted, the whole treatment would be incomplete. The mandatory and optional prayers (*solat*) and the practice of reciting verses praising Allah s.w.t. the Almighty (*zikir*) were carried out well by the advanced group of research participants. The elements of guidance based on the al-Qur'an and the compulsory practices of a Muslim (*fardu ain*) were not implemented by the inmates going through the rehabilitation treatment because there was no religious teacher (*Ustaz*) to guide them and the research participants just conversed among themselves and went off to bed.

The supporting factors that substantiated the rehabilitation treatment were also studied. These reinforcing factors were important to ensure that the research participants were rehabilitated during the treatment process. The reinforcing factors were identified as internal and external reinforcers'. The internal reinforcers' comprised elements such as aspirations, encouragement and self-change. While the external reinforcers' comprised the administrative surrounding, development agents, friends and family members. All these reinforcing factors complemented one another while the research participants were going through the rehabilitation treatment based on the Inabah method.

There were a few self-changes noticed while going through the rehabilitation treatment based on the Inabah method. These changes effected the emotions, the individual and religious practices. These three effects reflected the effectiveness of the method practiced by the research participants. The research participants who were going through the rehabilitation treatment felt these changes in stages.

The research found that the research participants going through the rehabilitation treatment based on the Inabah method felt the changes after the treatment. This effect indicates that Islamic rehabilitation treatment could be applied in government and private rehabilitation centers. The support of all concerned parties was needed in overcoming the inherent problems besides enforcement efforts and decreasing the number of drug addictions.